



## KENYATAAN MEDIA

### **STATUS TERKINI MENGENAI TUNTUTAN MYAQSA DI MAHKAMAH JENAYAH ANTARABANGSA (ICC) TERHADAP ISRAEL ATAS JENAYAH PERANG DAN PELANGGARAN RESOLUSI 2334 UNSC.**

1. Sidang Media ini diadakan bagi memberi taklimat mengenai perkembangan terkini inisiatif MyAQSA untuk mendesak ICC mendakwa Israel atas jenayah perang dan pelanggaran Resolusi 2334 UNSC. Kami ingin memaklumkan perkembangan terkini mengenai hal ini sekembalinya Delegasi Peguam MyAQSA ke ICC, The Hague pada 30 April – 3 Mei 2019.
2. Sidang Media ini juga diadakan bertepatan dengan genapnya 71 Tahun peristiwa Nakbah yang mengakibatkan pembentukan negara haram Israel pada 15 Mei 1948. Seyogianya diingatkan, semenjak peristiwa itu pihak Zionis Israel belum pernah di bawa ke mana-mana muka pengadilan terhadap jenayah perang yang mereka lakukan saban hari ke atas rakyat Palestin.
3. Misi terbaru MyAQSA telah bertemu dengan wakil-wakil ICC dari Bahagian Sokongan Guaman, Bahagian Kerjasama Antarabangsa dan Bahagian Analisis Situasi, Pejabat Ketua Pendakwaraya ICC. Perbincangan yang diadakan adalah susulan komunikasi MyAQSA pada 17 Oktober 2018 dan pertemuan pertama pada 20 Disember 2018 di ICC, The Hague.
4. Walaupun pada awalnya pihak ICC mengakui asas hujah MyAQSA adalah meyakinkan, namun pihak MyAQSA tidak berpuas hati dengan kelewatan penyiasatan yang dijalankan oleh pihak ICC untuk memastikan pendakwaan dapat dilakukan secara rasmi.

5. Pihak MyAQSA telah mengemukakan tiga hujah utama bagi membidas kelewatan ICC dalam aspek ini. Pertama, hujah mengenai Resolusi 2334 UNSC yang menjadi asas pada tindakan MyAQSA. Pada hakikatnya, Israel telah melakukan pelbagai pelanggaran resolusi tersebut dengan berdegil menceroboh, merobohkan dan membina penempatan haram di wilayah Palestin. Terkini, pada minggu lepas, 20 kediaman milik rakyat Palestin dirobuhkan di daerah Issawiya, Baitulmaqdis manakala dalam satu laporan yang dikeluarkan mengesahkan bahawa Israel telah membina lebih 20,000 penempatan haram dalam tempoh 10 tahun.
6. Kedua, pihak ICC sendiri telah mengakui menerima pelbagai bukti mengenai kekejaman Israel, bukan sahaja berkaitan pencerobohan di wilayah Palestin, tetapi pembunuhan, pengusiran dan tindakan biadab terhadap penduduk Palestin.
7. Ketiga, tempoh empat tahun setelah Palestin menyertai Statut Rom semenjak 1 April 2015 adalah memadai untuk melihat tindakan berkesan ICC dalam menyelesaikan penyiasatan dan memulakan pendakwaan terhadap Israel secara formal. Hal ini sangat menghairankan kerana sebagai sebuah institusi keadilan antarabangsa, ICC sepatutnya menunjukkan contoh kehadapan dalam proses mencari keadilan sejagat. Pihak MyAqsa tidak berpuas hati dengan alasan kelewatan yang diberikan pihak ICC yang sepatutnya memastikan pihak-pihak pengadu atau mangsa kekejaman mendapat layanan yang adil dan saksama.
8. Pihak MyAQSA berpandangan bahawa kelewatan ICC ini adalah diakibatkan bukan sahaja birokrasi dalaman ICC tetapi juga tekanan-tekanan pihak tertentu yang tidak mahu kebenaran didedahkan mengenai nasib sebenar rakyat Palestin yang ditindas.
9. Setelah perbincangan mendalam diadakan, pihak ICC memberi gambaran bahawa analisis dan penyiasatan mereka terhadap kes ini telah sampai di peringkat akhir. Mereka memberi jaminan kepada Delegasi MyAQSA bahawa tempohnya hanya tinggal beberapa bulan sahaja lagi sebelum penyiasatan dapat diselesaikan dan pendakwaan secara formal dibuat terhadap Israel. Pada masa yang sama, pihak ICC menggariskan beberapa langkah yang pihak MyAQSA dapat lakukan untuk membantu pihak mereka dalam penyempurnaan penyiasatan dan pendakwaan terhadap Israel nanti.

10. Justeru, MyAQSA akan meningkatkan kerjasama erat dengan pihak berkuasa Palestin khususnya melalui kedutaan Palestin di Malaysia di samping melobi melalui pertubuhan-pertubuhan antarabangsa termasuk melalui *Coalition of International Criminal Court (CICC)* untuk memastikan proses pendakwaan terhadap Israel dapat dilaksanakan secara berkesan.
11. Selain itu, hasil pertemuan Delegasi MyAQSA dengan TYT Tuan Dr Anesee Bin Ibrahim, Perwakilan Tetap Malaysia ke UNESCO di Paris, pihak MyAQSA akan mengusahakan satu inisiatif baru supaya negara Palestin dapat mengemukakan satu usul di UNESCO untuk mengutuk tindakan Pembasmian Budaya "*Cultural Genocide*" Zionis Israel ke atas Palestin.
12. Akhirnya MyAQSA menyeru kepada semua masyarakat antarabangsa mahupun tempatan agar sama-sama membuat desakan dan memberi tekanan supaya Israel benar-benar dapat di bawa ke muka pengadilan. MyAQSA berharap agar segala inisiatif yang MyAQSA usahakan ini akan memberi impak yang sewajarnya agar kezaliman dan kekejaman yang dilakukan rejim Zionis Israel terhadap rakyat Palestin dapat diadili dengan seadilnya melalui segala peruntukan perundangan yang ada. Yang penting, negara Palestin dan rakyatnya perlu diberikan hak untuk wujud dengan aman dan adil manakala Baitulmaqdis dan Masjidil Aqsa perlu kekal menjadi milik umat Islam tanpa sebarang gangguan dan campurtangan Israel.

**AZRIL BIN MOHD AMIN**

Ketua Pasukan Peguam Penyiasat / Felo Undang-Undang MyAQSA

Yayasan MyAQSA

21 Mei 2019M / 16 Ramadhan 1440H

Laman Sesawang : [www.myaqsa.my](http://www.myaqsa.my)

Facebook : MyAQSA

Twitter : @MyAQSA\_Official